

47 sertai Bengkel Korban, Aqiqah dan Sembelihan

UB 30.8.2017

B3

SERAMAI 47 orang dari dalam dan luar Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyertai Bengkel Korban, Aqiqah dan Sembelihan anjuran Pusat Islam UMS (PIUMS) di Masjid UMS.

Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan UMS Ustaz Razali Saibin berkata, turut diadakan Bengkel Amali Sembelihan yang melibatkan seekor lembu dan kambing yang disembelih di perkarangan

masjid sebagai praktikal kaedah mudah tumbang dan sembelih haiwan halal kepada semua peserta.

“Acara penyembelihan ini dilakukan sendiri oleh para peserta yang diketuai Konsultan Penyembelihan Halal, Ustaz Sablee Abdul Rahman,” katanya ketika ditemui pada bengkel itu.

Menurut Razali, bengkel itu adalah kesinambungan kursus kaedah penyembelihan mudah yang dianjurkan

sebelum ini sekali gus dilihat amat bertepatan sempena sambutan Hari Raya Korban yang tinggal beberapa hari sahaja lagi.

Dalam pada itu, Sablee ketika ditemui turut menyuarakan harapan agar semua peserta terus melibatkan diri dalam aktiviti penyembelihan dan Ibadah Korban kerana ibadah itu berkait rapat dengan makanan sehari-hari masyarakat.

“Peserta turut diberikan

beberapa petua untuk mengatasi gemuruh ketika proses penyembelihan dan nampaknya teknik itu berkesan serta membantu mereka lebih bersemangat dan berani, tahniah kepada mereka dan juga Pusat Islam UMS atas inisiatif menganjurkan bengkel seumpama ini,” katanya.

PARA peserta bengkel mempraktikkan cara penyembelihan haiwan.

